

59. Park Hui \_\_\_\_\_ selesai membantu bapanya mencuci kereta dan motosikal.
- A akan
  - B telah
  - C pernah
  - D sedang
60. Perlawanan badminton peringkat daerah itu \_\_\_\_\_ berlangsung pada petang ini di dewan masyarakat.
- A akan
  - B belum
  - C pernah
  - D hampir
61. Cik Shamita \_\_\_\_\_ belum pulang dari pejabat kerana mahu menyiapkan tugas yang diberikan oleh ketuanya.
- A masih
  - B pernah
  - C hendak
  - D sedang
62. Murid-murid \_\_\_\_\_ berkumpul di padang untuk menyaksikan perbarisan temasya sukan sekolah.
- A patut
  - B boleh
  - C masih
  - D sedang

**Soalan 63 hingga 66**

Pilih ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betulnya.

63. I Semua jalan di kawasan itu telah menutup sejak pagi lagi.  
II Imran menutup suis lampu biliknya lalu keluar ke ruang tamu.  
III Kakak menutup makanan di atas meja itu dengan tudung saji.  
IV Majlis menutup acara Sukan Olimpik itu berlangsung dalam suasana yang gilang-gemilang.
- A I dan II
  - B II dan III
  - C III dan IV
  - D I dan IV
64. I Seng Heng berhenti berlari kerana kakinya keras.  
II Mereka bekerja keras untuk menyiapkan rumah hartawan itu.  
III Ruhil tidak dapat membuka penutup botol yang terlalu keras itu.  
IV Puan Suzi membantah keras hasrat anaknya untuk mendaki gunung.
- A I dan II
  - B II dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV